

UMS adakan lawatan ke Japan Sabah

UB 20-3-2019 A10

KOTA KINABALU: Seramai 60 penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan (Japan) Sabah di sini pada Selasa.

Kunjungan itu diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Profesor Datuk Mohd Hamdan Adnan.

Menurut Hamdan, antara tujuan lawatan adalah untuk memberi

pendedahan kepada penuntut selain memahami fungsi serta peranan Japan dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat.

“Japan merupakan sebuah jabatan kerajaan yang amat penting dalam memasarkan dasar-dasar negara agar apa yang dirancang oleh kerajaan dapat difahami oleh masyarakat di akar umbi.

“Saya berharap lawatan ini dapat membuka minda penuntut



HAMDAN (dua dari kanan) dan **Norzawiyah** (kanan) mendengar taklimat berkenaan Japan Sabah.

untuk mengetahui peranan Japan yang masih relevan sehingga kini walaupun terpaksa bersaing dengan dunia digital,” katanya semasa menyampaikan ucapan pada lawatan itu.

Sementara itu, Pengarah Penerangan Sabah Norzawiyah Bulka juga mengalu-alukan kehadiran para pelajar berkenaan dan berharap penjelasan serta taklimat yang disampaikan dapat mencapai objektif lawatan itu.

Menurutnya, sejajar dengan perkembangan teknologi terkini, Japan Sabah sentiasa memperkasakan program-program pemasaran maklumat kepada rakyat khususnya melalui platform media sosial dan program turun padang di negeri ini.

Turut hadir pada lawatan itu ialah Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian Media dan Komunikasi Korporat (MKK) Imelda Godon dan KPP Bahagian Pengurusan dan Kewangan Patrick Laing Ngau.



SALAH seorang penuntut bertanyakan soalan pada lawatan itu.